

07/10/1997

(Laporan BSKL)

HARGA saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) ditutup lebih lega dalam dagangan tipis semalam kerana pelabur lebih berhati-hati menunggu petunjuk yang lebih jelas.

Mencerminkan sentimen itu, tanda aras Indeks Komposit bergerak dalam kadar ketat sebelum ditutup 3.14 mata lebih lega melebihi penutup Jumaat lalu kepada 794.15.

Indeks Emas susut 1.51 mata kepada 223.38 dan Indeks Perusahaan rugi 15.52 mata kepada 1,625.47. Bagaimanapun, Indeks Papan Kedua meningkat 2.99 mata kepada 404.04.

Saham rugi mengatasi untung pada 441 berbanding 189 manakala 141 kaunter tidak berubah dan 114 kaunter lain tidak diniagakan.

Jumlah dagangan Papan Utama mengecil kepada 130.397 juta bernilai RM493.171 juta daripada 165.232 juta bernilai RM734.937 juta.

Jumlah dagangan Papan Kedua berjumlah 26.394 juta bernilai RM254.571 juta daripada 28.038 juta saham bernilai RM225.282 juta.

Urus niaga langsung berjumlah 23.860 juta saham bernilai RM162.190 juta berbanding 18.736 juta saham bernilai RM218.316 juta sebelumnya.

Peniaga berkata, pelabur terus bimbang terhadap ringgit yang kian merosot dan kadaf faedah yang meningkat.

Ringgit ditutup kepada 3.3650/50 berbanding dolar AS semalam berbanding 3.3230/25 Jumaat, manakala penetapan kadar Klibor tiga bulan adalah 7.87 peratus dari 8.23 Jumaat lalu.

Penganalisis berkata, pelabur berhati-hati kerana laporan yang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan membuat ucapan penting pada 11 Oktober ini, yang akan disiarkan secara langsung menerusi semua stesen televisyen.

Mereka yang membaca atau mendengar laporan, bagaimanapun, tidak sedar PM hanya akan berucap mengenai teknologi maklumat (IT).

Sementara itu, keuntungan di pasaran saham adalah daripada setengah sen kepada RM5.50, manakala kerugian adalah dari setengah sen hingga RM2.

Prestasi saham berlawanan tinggi bercampur-campur. Maybank rugi 50 sen kepada RM16.10, Telekom tidak berubah pada RM9.90 dan Tenaga Nasional untung 15 sen kepada RM8.20.

Barangan pengguna menyumbang 7.362 juta saham diniagakan, barangan industri 23.513 juta, pembinaan 15.127 juta, dagangan/perkhidmatan 24.804 juta, infrastruktur 1.728 juta, kewangan 17.721 juta, hotel 579,000, harta 22.884 juta, peladangan 8.058 juta, pelombongan 392,400, amanah 90,000, dana tertutup 102,000 dan pinjaman 8.034 juta. - Bernama

(END)